



KP(BPSH-SPDK)201/002/01/Jld.92(7)  
Tarikh : 31 Mac 2011

**Prof. Madya Dr. Jayakaran Mukundan**

Pengerusi, ICELT 2011  
International Conference  
On English Language Teaching  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang, Selangor

Tuan,

**MEMOHON KELULUSAN DAN GALAKAN DARIPADA KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
UNTUK PENYERTAAN GURU BAHASA INGGERIS DALAM THE 2<sup>nd</sup> INTERNATIONAL  
CONFERENCE ON ENGLISH LANGUAGE TEACHING (ICELT 2011) PADA 18 – 20 SEPTEMBER  
2011**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat tuan mengenai perkara di atas.

2. Kementerian Pelajaran Malaysia tiada halangan untuk memberikan sokongan dan galakkan kepada **Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia** untuk mengundang guru-guru Bahasa Inggeris mengambil bahagian di dalam program anjuran pihak tuan yang akan diadakan pada **18-20 September 2011** seperti yang dipohon.

3. Pihak tuan perlu mengadakan perbincangan bersama Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri yang berkenaan untuk mendapatkan kerjasama dalam menentukan sekolah-sekolah yang akan terlibat memandangkan sekolah-sekolah tersebut berada di bawah pentadbiran mereka.

4. Pihak tuan juga perlu mendapatkan kebenaran daripada Pengetua/Guru Besar sekolah terlibat, di samping memastikan syarat-syarat berikut dipatuhi.

- 4.1 Penyertaan guru-guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka.
- 4.2 Penyertaan warga sekolah hendaklah dengan persetujuan mereka sendiri.
- 4.3 Guru-guru dan warga sekolah tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini; dan



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN**  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
ARAS 3 & 4, BLOK E2, KOMPLEKS E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62604 PUTRAJAYA  
Tel : 03-88849586 (Aras 3) / 03-88849370 (Aras 4)  
Faks : 03-88849315  
Laman Web : <http://www.moe.gov.my/bs>



4.4 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pelajaran, Jabatan Pelajaran Negeri dan sekolah yang terlibat.

5. **Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas tarikh 30 September 2011.**

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

**SHAZALI BIN AHMAD**  
Timbalan Pengarah (Dasar)  
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian  
b.p Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia

- s.k.
1. Semua Pengarah Pelajaran Negeri
  2. Timbalan Pengarah Pelajaran WP Putrajaya
  3. Timbalan Pengarah Pelajaran WP Labuan